



EDISI JUL - DIS
2025

02/25

○○○○

BULETIN

SEKITARAN MDBG



BATU GAJAH FUN WALK 2025 (KOMUNITI LESTARI)

13 Julai - Luar biasa! Batu Gajah Fun Walk 2025 (Komuniti Lestari) telah pun melabuhkan tirai dengan sebaiknya

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada semua komuniti yang hadir, memeriahkan suasana dan menjadikan program ini satu kenangan manis. Semangat kesukanan yang dipamerkan oleh semua peserta dari pelbagai peringkat umur amat kami banggakan.

Program ini diserikan lagi dengan pelbagai aktiviti menarik yang tidak hanya mempromosikan gaya hidup sihat, tetapi juga mengukuhkan ikatan silaturahim dalam kalangan komuniti.

Kejayaan program ini tidak mungkin tercapai tanpa komitmen padu. Penghargaan setinggi-tingginya buat seluruh barisan urusetia yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini.

Terima kasih juga kepada penaja, media dan semua agensi yang bekerjasama.

Ini adalah bukti bahawa kita mampu bersatu demi membina komuniti yang sihat dan lestari. Semoga kita berjumpa lagi di program akan datang!



www.mdbg.gov.my



05-363 2020



**BATU GAJAH
FUN WALK
2025
KOMUNITI LESTARI**



Selesai sudah cabaran MyBFF (My Body is Fit and Fabulous) yang penuh semangat untuk warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah!

Sepanjang program ini, kami menyaksikan dedikasi dan komitmen yang luar biasa dari semua peserta. Setiap langkah, setiap titisan keringat, adalah satu kemenangan yang tidak ternilai dalam usaha kita membina gaya hidup yang lebih sihat dan aktif. Anda semua adalah pemenang dalam perjalanan transformasi kesihatan ini!

Tahniah kami ucapkan kepada pemenang utama program MyBFF yang telah membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM5,000.00. Kemenangan anda adalah inspirasi buat kami semua.

Semoga momentum ini akan terus dikekalkan dan menjadi budaya dalam kehidupan seharian kita. Ayuh, kita teruskan perjalanan kecergasan ini bersama-sama!

MyBFF

MY BODY IS FIT AND FABULOUS



MAJLIS PERASMIAN TAMAN REKREASI MADANI, PUSING



Ahad | 6 September 2025 Taman Rekreasi Madani, Pusing, Perak - Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menayakan Majlis Perasmian Taman Rekreasi Madani, Pusing yang telah berlangsung dengan lancar pada Ahad, 6 September 2025.

Taman Rekreasi Madani ini dibangunkan sebagai inisiatif untuk menyediakan ruang riadah dan rekreasi yang selesa serta inklusif untuk warga Pusing dan sekitarnya.

Terima kasih atas sokongan semua pihak khususnya kepada penduduk tempatan yang hadir memeriahkan majlis.

Komitmen MDBG akan terus diperkukuh dalam usaha memperkasa kesejahteraan komuniti melalui pembangunan berimpak dan mesra rakyat.



Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan turut dihadiri oleh tetamu-tetamu kehormat serta komuniti setempat.



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, PERAK 2035 (PENGGANTIAN)



24 Oktober 2025 (Jumaat) - Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draft Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah, Perak 2035 (Penggantian) telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Dewan Bandaran Batu Gajah.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Program ini berlangsung bagi memberi peluang kepada komuniti dan stakeholders untuk meneliti, memberi pandangan serta menyumbang idea terhadap cadangan pembangunan yang dirancang di bawah Rancangan Tempatan MDBG, Perak 2035 (Penggantian).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua ahli komuniti, agensi dan stakeholders yang hadir serta menunjukkan komitmen dalam menjayakan program ini.

Semua yang terlibat dipelawa untuk membuat semakan berkaitan draft rancangan ini. Nantikan roadshow di lokaliti masing-masing dan boleh kunjungi ruang pameran kekal di Lobi Utama MDBG bermula dari 16 Oktober hingga 11 November 2025.

MAJLIS PERASMIAN HARI KESIHATAN MENTAL MDBG 2025

18 November - Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) hari ini telah berjaya melaksanakan Majlis Perasmian Hari Kesihatan Mental Tahun 2025 bertempat di Dewan Bandaran Kinta, Batu Gajah.

Dengan tema “Akses Kepada Perkhidmatan Kesihatan Mental Dalam Bencana dan Kecemasan”, program ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran warga kerja serta menggalakkan kesejahteraan mental dalam kalangan penjawat awam.

Program turut dimeriahkan dengan:

- Ucapan perasmian
- Gimik pelancaran
- Bengkel Teknik Relaksasi Minda (Mindfulness) yang disampaikan oleh Puan Norhasmah binti Kasim, Pegawai Psikologi IPD Batu Gajah
- Forum Kopiah & Kopi: Akses Kekuatan Diri & Daya Tindak (*Resilience*) bersama Encik Syamsul Debat



Selain daripada itu, pelbagai jualan daripada usahawan-usahawan tempatan Batu Gajah serta agensi-agensi kerajaan, sekali gus menambah kemeriahan program. Inisiatif ini memberi peluang kepada pengunjung untuk mendapatkan maklumat, perkhidmatan serta produk komuniti setempat, di samping memperkukuh jaringan kerjasama dan sokongan komuniti.

Terima kasih kepada Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan, agensi kerajaan, serta komuniti Batu Gajah yang hadir dan menjayakan program ini.

Semoga usaha ini dapat terus memupuk kesedaran, ketahanan mental dan kesejahteraan bersama dalam komuniti MDBG



PROGRAM SENTUHAN KEJAYAAN KPKT 2025

6 Disember - Telah berlangsung dengan jayanya Program Sentuhan Kejayaan KPKT 2025 sempena Perasmian Taman Rekreasi Madani (TRM) bagi Projek Taman Tanjak, Batu Gajah. Majlis penuh bermakna ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Program ini menjadi simbol komitmen KPKT dan Majlis Daerah Batu Gajah dalam menyediakan ruang rekreasi yang lebih selesa, inklusif dan berdaya huni untuk komuniti setempat.

Kehadiran ahli komuniti, agensi pelaksana dan rakan strategik turut menyerikan lagi majlis. Semoga TRM Taman Tanjak menjadi tarikan baharu untuk riadah, gaya hidup sihat dan penglibatan komuniti di Batu Gajah.



PROGRAM PERAK BEST - ANTI KUTU SAMPAH

14 Disember - Terima kasih kepada semua yang hadir dan memeriahkan Program Perak BEST Anti Kutu Sampah semalam di Dataran Komuniti Tanjung Tualang.

Pelbagai aktiviti menarik telah berlangsung dengan jayanya, daripada Fun Walk X Plogging, senamrobik, Eco Green Market, hinggalah aktiviti 3R yang melibatkan seisi keluarga.

Program ini membuktikan bahawa semangat cintakan kebersihan dan alam sekitar dapat disemai melalui penglibatan komuniti.

Semoga usaha ini dapat diteruskan demi Batu Gajah yang lebih bersih dan lestari.



WORLD CLEAN UP DAY 2025 - RIVERSIDE REVIVAL

20 September 2025

Menara Tanjak, Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan

- Anjuran oleh: Quest International University (QIU)
- Penganjur bersama: KRT Sg. Terap & Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG)



Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Tan Kar Hing, Ahli Parlimen Gopeng, dan mendapat kerjasama erat dari pelbagai agensi (GEC), komuniti setempat, serta para sukarelawan yang prihatin terhadap alam sekitar.

Objektif program:

- Meningkatkan kesedaran terhadap penjagaan kebersihan alam sekitar
- Memperkasa penglibatan komuniti dalam aktiviti pembersihan
- Menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

Terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini. Komitmen anda adalah bukti bahawa perubahan bermula dari kita semua.



HARI CUCI MALAYSIA 2025 @ BATU GAJAH

27 September 2025

Dataran Komuniti Batu Gajah

Dari senamrobik ke Plogathon, Eco Green Market, sukan rakyat & pertandingan mewarna - suasana memang LUAR BIASA!

Bersama kita bersihkan, sihatkan & segarakan Batu Gajah!



KEDATANGAN PASUKAN AUDIT SIRIM KE MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Pada 3 & 4 Julai 2025, Majlis Daerah Batu Gajah telah menerima kedatangan Pasukan Audit Sirim ke Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) bagi Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MSI ISO 9001 : 2015.

Seramai 3 orang Daripada Pasukan Audit Sirim telah hadir bagi menjalankan pensijilan semula untuk Majlis Daerah Batu Gajah. Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ini bertujuan untuk memperbaharui Sijil tersebut yang telah dilaksanakan sebelum ini pada 18 Julai 2022. Inisiatif ini memberi ruang penambahbaikan atas gerak kerja untuk kualiti penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.

Semoga kualiti perkhidmatan Majlis Daerah Batu Gajah dapat terus ditingkatkan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti setempat.



LAWATAN PENANDA ARAS SISTEM DDMS 2.0 OLEH MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR (MBAS)

Pada 4hb Julai 2025, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah menerima kedatangan delegasi dari Majlis Bandaraya Alor Setar untuk lawatan penanda aras Sistem DDMS 2.0. Seramai 8 orang warga kerja MBAS telah hadir bagi lawatan kali ini.

Sesi perkongsian yang dilaksanakan dapat meningkatkan hubungan dua hala untuk Inisiatif memperkasa kawalan rekod dalaman menerusi sistem DDMS. Platform ini turut merangkumi promosi pelancongan yang dapat meningkatkan kehadiran pelancong dari utara dan merangsang perkembangan ekonomi komuniti setempat.





PROMOSI BATU GAJAH HERITAGE TRAIL BERSAMA PASUKAN KADET PEMBERITA CAHAYA PERAK, SIN CHEW DAILY

Batu Gajah, 9 Ogos (Sabtu) – Seramai 37 pelajar dari sekolah-sekolah seluruh Perak telah menyertai Program Lawatan Tapak Warisan Batu Gajah, menyusuri zaman kegemilangan bandar ini melalui Batu Gajah Heritage Trail.

Sepanjang program, peserta dibawa ke lokasi-lokasi bersejarah berikut:

- Hospital Batu Gajah
Taklimat oleh En. Kamarul Farid
- Pusat Koreksional Batu Gajah
Taklimat oleh En. Aziem bin Rosli
- Pejabat Daerah & Tanah Kinta
Taklimat oleh En. Azlan bin Aminuddin
- Rumah Tamu Batu Gajah
Taklimat oleh Ahli Majlis MDBG,
En. Syahrunnaim bin Salehuddin

Majlis Daerah Batu Gajah merakamkan penghargaan kepada semua agensi yang terlibat, khususnya Sin Chew Daily, atas inisiatif menjadikan Batu Gajah sebagai model tugas sekaligus medium promosi untuk mengetengahkan khazanah sejarah dan warisan tempatan.



LAWATAN DELEGASI 6TH BRIDGE CLUB PRESIDENT'S MEETING 2025 KE BATU GAJAH

Pada 26 Ogos 2025 (Selasa), Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah menerima kunjungan daripada delegasi serta urusetia program 6th Bridge Club President's Meeting 2025.

Dalam lawatan ini, tetamu berpeluang menikmati keindahan dan keunikan produk pelancongan sekitar Batu Gajah termasuk:

- Kapal Korek Tanjung Tualang No. 5 (TT5)
- Galeri Rumah Lat
- Kellie's Castle

Kunjungan ini bukan sahaja mengeratkan hubungan baik antarabangsa, malah turut memberi peluang mempromosikan Batu Gajah sebagai destinasi pelancongan warisan dan budaya di peringkat global.

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan lawatan ini



SEMARAK PELANCONGAN: LAWATAN YB LOH SZE YEE KE DAERAH KINTA

11 November 2025 - YB Loh Sze Yee, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak, telah mengadakan lawatan kerja ke Daerah Kinta bagi mengenal pasti produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dimajukan serta beramah mesra bersama komuniti setempat.

Lawatan ini turut memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh sektor pelancongan di peringkat daerah melalui pengembangan dan pembangunan produk pelancongan yang berupaya menarik lebih ramai pelancong ke Negeri Perak.

Antara lokasi yang telah dilawati ialah:

- Pusat Rekreasi Lubuk Timah
- Kellie's Castle
- Rumah Kediaman Almarhum Sultan Azlan Shah
- Pekan Tronoh
- Galeri Papan





BATU GAJAH HALF MARATHON 2025

24 Ogos 2025 | Batu Gajah, Perak

Tahniah kepada semua peserta yang telah menamatkan cabaran larian 5KM, 10KM & 21KM hari ini!

Anda semua luar biasa - semangat dan tenaga anda memeriahkan acara ini sampai ke garisan penamat!

Acara ini telah dirasmikan oleh YDP Majlis Daerah Batu Gajah, YB Tan Kar Hing, bersama Pegawai Daerah Batu Gajah serta agensi yang sentiasa bersama dalam setiap penganjuran acara dalam daerah.

Terima kasih diucapkan kepada semua VIP yang hadir memeriahkan majlis hari ini.

Tidak dilupakan juga, setinggi-tinggi penghargaan buat penganjur utama, Naisce Event Management, atas penganjuran yang mantap dan lancar.

PROGRAM MADANI HERITAGE EXPLORACE 2025 @ KELLIE'S CASTLE, BATU GAJAH

25 Oktober 2025 - Semangat, warisan dan kerjasama dalam satu acara.

Program Madani Heritage Explorace 2025 berjaya dilaksanakan dengan penyertaan pelajar di lokasi bersejarah Kellie's Castle.

Anjuran bersama Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Gopeng, Dewan Belia Perak, Politeknik Ungku Omar (PUO) dan Kesatuan Pelajar Islam Perak (KPIP) dengan kerjasama Tourism Perak, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG), APM, BOOM, Koperasi PUO Berhad serta pengurusan Kellie's Castle.

This isn't just an explorace — it's about celebrating our local heritage, teamwork, and love for Batu Gajah's history.

Terima kasih kepada semua yang menjayakan program ini!

Together, we keep our heritage alive!





PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM MDBG BIL.2/2025

1 Julai 2015 telah diadakan Perhimpunan Penjawat Awam MDBG Bil.2/2025 yang telah berlangsung di Auditorium MDBG.

Bertemakan "BETULKAN YANG BIASA, BIASAKAN YANG BETUL" telah dihadiri oleh Tuan Yang Dipertua, Tuan Mohamad Razif bin Ramli dengan kehadiran Ahli Majlis dan seluruh penjawat awam MDBG.

Dalam ucapan beliau, Tuan YDP telah menyentuh konsep syukur, pengukuhan integriti, pemantapan disiplin, pembudayaan norma kerja yang berteraskan prosedur serta peraturan yang berkuatkuasa dan perkhidmatan yang baik kepada rakyat.

Dalam perhimpunan ini turut diadakan sesi taklimat Senarai Nilai Baharu Cukai Taksiran oleh En Azim bin Mohd Layani, Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta serta turut diadakan penyampaian Anugerah Pekerja Bulanan bagi bulan Januari hingga Mei 2025. Tahniah dan syabas diucapkan.





PEMBENTANGAN SECARA ATAS TALIAN BAGI PENYERTAAN MALYSIAN INDUSTRIAL SAFETY AND HEALTH ASSOCIATION (MISHA) ASIA EXCELLENCE AWARDS ON OSH PRINCIPLE OF PREVENTION (OSHPoP) 2025

22 Oktober 2025 (RABU) - Tahniah kepada pasukan Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) atas kejayaan melaksanakan pembentangan secara atas talian dalam Malaysian Industrial Safety and Health Association (MiSHA) Asia Excellence Awards on OSH Principle of Prevention (OSHPoP) 2025.

Melalui perkongsian Program My Body Is Fit and Fabulous (MyBFF), MDBG menonjolkan komitmen terhadap kesejahteraan warga kerja dengan memperkukuh budaya kerja sihat dan produktif yang secara langsung meningkatkan prestasi organisasi serta keupayaan MDBG dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada komuniti setempat.

Pengurusan MDBG merakamkan penghargaan yang tinggi kepada semua ahli pasukan atas dedikasi dan semangat kerjasama luar biasa sepanjang proses persediaan dan pembentangan ini.

PROGRAM CSR MDBG - SKUAD EHSAN MADANI TELOK INTAN

Batu Gajah, 6 Disember 2025 - MDBG terus komited melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi memberi bantuan kepada komuniti, selaras dengan usaha memperkukuh kelestarian jangka panjang. Seramai 25 anggota bersama 8 jentera pelbagai fungsi telah digerakkan seawal 6.45 pagi. Operasi diketuai oleh En. Makhlis bin Othman, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan merangkap Pegawai Pengurusan Bencana MDBG.

Objektif program:

- Menyalurkan bantuan kepada rakan PBT dan komuniti yang terkesan.
- Memperkukuh kerjasama antara PBT.
- Menguatkan keupayaan serta kesediaan pasukan anggota MDBG.



Program ini berjaya meningkatkan kemahiran, koordinasi dan produktiviti pasukan, bagi memastikan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan terus diberikan kepada komuniti, khususnya dalam kawasan pentadbiran.



EDISI JAN - JUN
2025

01/25

○○○○

BULETIN

SEKITARAN MDBG



TAHNIH & SELAMAT DATANG

Majlis Daerah Batu Gajah merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Puan Muazatul Adawiyah Binti Muhammad atas pelantikan sebagai Setiausaha Majlis Daerah Batu Gajah, berkuat kuasa pada 15 Ogos 2025. Selamat menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan cemerlang.

Semoga terus maju jaya dalam memacu perkhidmatan yang lebih efisien dan berintegriti.

Ikhlas daripada:

Yang Dipertua, Ahli Majlis & Seluruh Warga Kerja
Majlis Daerah Batu Gajah

SIDANG REDAKSI

Penasihat

Mohamad Razif bin Ramli., PMP., AMP.,
Yang Dipertua

Ketua Editor

Muazatul Adawiyah binti Muhammad
Setiausaha

Penolong Ketua Editor

Makhlis bin Othman

Sidang Editor / Media Sosial

Mohamad Shah Ridla bin Mohd Ismet
Mohd Omar bin Shoib
Hawa Syazwani binti Abdul Aziz

Reka Bentuk / Grafik

Fatin Hazwani Binti Tarmidzi

Fotografi

Nazrul Aswad bin Nazri
Muhamad Fitri bin Abdul Rahman
Muhammad Amar Syahmi bin Azhar



Diterbitkan oleh:

Majlis Daerah Batu Gajah Jalan Haji Abdul Wahab,
31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan.

Telefon : 05-363 2020

Faks : 05-366 5930

E-mel : pentadbiran@mdbg.gov.my

Facebook : www.facebook.com/mdbatugajah